



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Penjawat Awam Persekutuan yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- 1)
 - (a) Jawatan : Pegawai Tadbir Gred N13
(1 jawatan)
 - (b) Taraf Jawatan : Peminjaman
 - (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

- 2) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Penjawat Awam Persekutuan yang sedang menyandang Gred 12 dan ke atas ;
 - (b) Berpengalaman dalam **Pengurusan Aset Kerajaan/ Pengurusan Perolehan Kerajaan** tidak kurang lima (5) tahun; dan
 - (c) Memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di gred jawatan pinjaman; dan
 - (d) Mempunyai kompetensi yang sesuai dengan bidang tugas gred jawatan pinjaman selaras dengan hasrat mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran dan bersesuaian dengan keperluan agensi; dan
 - (e) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke gred yang lebih tinggi hendaklah telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun kecuali:

- Memiliki kelayakan akademik di peringkat ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun; atau
- Memiliki kelayakan akademik di peringkat ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun.

(f) Bebas daripada hukuman tatatertib.

3) Panduan/Cara Memohon :

- Calon yang berminat boleh menghantar surat permohonan melalui ketua jabatan berserta resume yang dijana dari sistem HRMIS ke shajiddeen@lada.gov.my atau mazlan_othman@lada.gov.my sebelum atau selewat-lewatnya pada **6 Ogos 2026**.
- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.

